

Lapan negeri catat kes dua angka

Hanya satu negeri dan wilayah merekodkan kes satu angka

KUALA LUMPUR



DR NOOR HISHAM

Malaysia mencatatkan sebanyak 1,285 kes baharu Covid-19 pada Khamis menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 355,753 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak empat kematian melibatkan kesemua warga tempatan dan empat kluster baharu direkodkan.

Perkembangan terbaharu ini menjadikan jumlah keseluruhan kluster kini adalah sebanyak 1,435 kluster dengan 348 kluster aktif. Sebanyak 10 kluster diisytihar tamat hari ini (Khamis) menjadikan jumlah keseluruhan kluster yang telah tamat sebanyak 1,087 kluster."

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu itu, sebanyak 1,268 kes membabitkan penularan tempatan, manakala 17 kes lagi adalah kes import, sementara sebanyak 1,175 kes sembuh direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih 340,242 kes.

"Sebanyak 186 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 81 kes daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor kembali mencatat kes harian tertinggi iaitu sebanyak 374 kes, diikuti Sarawak (211), Pulau Pinang (162), Kuala Lumpur (120), Sabah (106) dan 101 kes di Johor.

Menurutnya, lapan negeri mencatatkan kes dua angka iaitu Kelantan (87), Kedah (31), Perak (24) Putrajaya (19), Pahang (13), Negeri Sembilan (12) dan masing-masing 11 kes di Tereng-

ganu dan Melaka.

"Hanya satu negeri dan wilayah merekodkan kes satu angka iaitu Labuan, tiga kes dan Perlis satu kes," katanya.



Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, empat kluster baharu dikenal pasti melibatkan tiga kluster tempat kerja dan satu kluster komuniti.

Menurutnya, kluster tempat kerja membabitkan Jalan Taming di Selangor, Industri Parit Raja (Johor) dan Perusahaan Perai Tiga (Pulau Pinang), manakala kluster komuniti ialah Padang Manggis di Pahang.

"Perkembangan terbaharu ini menjadikan jumlah keseluruhan kluster kini adalah sebanyak 1,435 kluster dengan 348 kluster aktif.

"Sebanyak 10 kluster diisytihar tamat hari ini (Khamis) menjadikan jumlah keseluruhan kluster yang telah tamat sebanyak 1,087 kluster," kata beliau. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
355,753	340,242	186	1,308	+1,285	893,032

